

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada akan mengiktiraf Kerajaan Taliban yang baru mengambil kuasa melalui senjata, atau terus mengiktiraf Kerajaan lama yang dipilih melalui peti undi. Apakah pendirian Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Suka saya menekankan bahawa Dasar Luar Malaysia adalah berlandaskan dasar yang bebas, berprinsip dan pragmatik, berdasarkan nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.
3. Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, pihak Taliban telah menguasai Afghanistan setelah berjaya mengambil alih Kabul dan Istana Presiden pada 15 Ogos 2021.
4. Malaysia akan terus menggunakan platform antarabangsa seperti PBB, OIC dan ASEAN untuk menyuarakan pandangan dan pendirian negara terhadap masa depan Afghanistan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a. kerajaan yang dibentuk bersifat inklusif bagi mencapai keamanan dan kestabilan berkekalan supaya rakyat Afghanistan dapat mengecapi kemajuan dan kemakmuran;
  - b. Afghanistan yang mempunyai proses berpaksikan rakyatnya, iaitu, dengan izin, berdasarkan prinsip *Afghan-led, Afghan-owned* dan *Afghan-controlled peace reconciliation process*; dan
  - c. Kerajaan baharu Afghanistan memastikan negara tersebut tidak melindungi dan menjadi tempat selamat (*safe-haven*) bagi kumpulan pengganas dan segala aktiviti berkaitan keganasan.
5. Sehingga kini, masih tiada negara-negara yang mengiktiraf kerajaan sementara Emiriah Islam Afghanistan. Ini disebabkan kebanyakan negara termasuk Malaysia sedang meneliti perkembangan di negara tersebut. Tambahan pula, rata-rata mendapati bahawa penubuhan kabinet interim Afghanistan tersebut tidak menepati aspirasi rakyat Afghanistan. Apa yang dihasratkan adalah komposisi kabinet yang lebih seimbang, inklusif, termasuk penyertaan wanita dan wakil-wakil komuniti Afghanistan dalam kabinet interim tersebut.
6. Sebelum pengiktirafan dapat dibuat oleh Kerajaan, pertimbangan-pertimbangan akan diberikan kepada faktor-faktor seperti tahap penerimaan oleh rakyat Afghanistan sendiri dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), terutamanya Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung PBB dijangka akan mengambil pendirian berhubung pengiktirafan pentadbiran baharu Afghanistan pada masa yang sesuai.

Sekian, terima kasih.